

Dr Mastura Badzis →

bhrita@bharian.com.my



Puan Zaa: Saya mempunyai dua anak, lelaki dan perempuan berusia lima dan tiga tahun. Kedua-duanya jarang bergaduh, tapi si abang sering mengalah kepada adiknya dalam banyak perkara manakala adik puas sentiasa menunjukkan kuasa seolah-olah dia berhak menentukan semuanya terutama apabila membabitkan alat permainan. Saya agak risau memikirkan sikap si abang kerana apabila dia memasuki alam persekolahan nanti, saya tidak mahu dia menjadi mangsa buli rakan di sekolah. Apakah yang perlu saya lakukan?

Kebolehan kanak-kanak bersuara, mempertahankan hak dan bertegar bila perlu atau dipanggil assertiveness skills adalah satu kemahiran sosial perlu dipupuk di peringkat awal kanak-kanak.

Keupayaan anak menyatakan pendiriannya bukan permaksa dia bertindak agresif atau berlaku kasar tetapi membabitkan kemahiran, menyelesaikan sesuatu konflik iaitu bagaimana menyatakan rasa tidak setuju terhadap sesuatu perkara dalam bentuk tingkah laku yang boleh diterima dari segi peradaban dan norma sosial masyarakat.

Kemahiran assertive atau bertegar dipupuk akan dapat membantu kanak-kanak, bagaimana menyatakan 'tidak' kepada sesuatu yang boleh mendatangkan bahaya kepada dirinya atau membabitkan gejala antisosial (tingkah laku berlawanan dengan norma sosial) dan tetap teguh dengan perdiriannya.

Kemahiran perlu dipupuk dalam diri kanak-kanak bagi membantunya, bagaimana menghadapi kehidupan pada hari mendatang dan sebagai strategi utama

Tangani konflik

» **Ibu bapa perlu didik anak bersikap tegas, pertahan hak dan berani bersuara**



mengelakkan dirinya dibuli, didera dari segi fizikal dan emosi atau dipermainkan oleh orang lain.

Hak kanak-kanak
Secara umumnya pemupukan kemahiran assertive ini berbasarkan kepada pandangan mengenai hak asasi manusia dan hak kanak-kanak untuk hidup sebagai individu perlu dihormati, biasa melakukan kesilapan, tetapi perlu bertanggungjawab dan meminta maaf. Malah, berhak menolak sesuatu permintaan di luar tatacara peradaban tanpa rasa bersalah atau kerina mementingkan diri, menyatakan hak, pendiriannya dengan cara berdaab dan berhak mendapat perlindungan termasuk

mendengar pandangannya. Dalam menghadapi situasi kehidupan membabitkan hak seorang kanak-kanak, biasanya ada tiga jenis maklum balas ditunjukkan berbentuk pasif atau submisif yang mana orang lain akan menunjukkan 'kuasa' dan menguasai diri seolah-olah mereka tidak mempunyai hak. Maklum balas berbentuk agresif, kanak-kanak akan bertindak seolah-olah dia cuba menguasai segala-galanya, tetapi dalam bentuk tidak terkawal.

Maklum balas berbentuk assertive yang mana kanak-kanak menghormati diri dan pendiriannya, tapi pada masa sama, menghormati hak dan pandangan orang lain.

Dalam usaha memupuk kemahiran ini, ibu bapa atau pendidik perlu peka tahap perkembangan sosial kanak-kanak mengikut peringkat umurnya supaya kemahiran ini dapat dipupuk dalam keadaan si kecil 'bersedia', memahami dan tahu apa yang dilakukan.

Kesedaran sosial kanak-kanak dalam lingkungan usia dua tahun biasanya terbatas dan bila dia bermain sebagai contoh bermain bersendirian atau melihat seseorang lain bermain lalu meniru cara mereka bermain. Semua permainan yang ada di hadapannya dianggap 'saya yang punya'.

Apabila usianya meningkat tiga tahun, anak biasanya akan duduk di sisi rakan

bermain dan sesekele berinteraksi seolah-olah mereka duduk dalam satu kumpulan, tetapi sebenarnya mereka tidak bermain bersama. Di peringkat inilah si kecil mulai untuk belajar mengenal konsep berkongsi, menunjang giliran dan bagaimana mengwala diri agar tidak menunjukkan kelangsungan fizikal dan bertindak agresif.

Konsep kawan

Bagi kanak-kanak dalam lingkungan usia empat hingga lima tahun, mereka mulai belajar bermain secara berkumpulan dalam bentuk kerjasama dan konsep kawan 'istimewa' mulai terbentuk. Di peringkat ini kanak-kanak biasanya akan cuba belajar 'berlaku adil' dan mematuhi peraturan sosial lantas dia tampak seperti selalu mengalah dan memberanikan orang lain menyertaiannya bermain bersama.

Pada peringkat ini sebenarnya kemahiran assertive mula terbentuk dan si kecil dalam proses mempelajari mengatakan 'tidak' sekiranya dia diganggu. Dalam keadaan biasa, sekiranya si kecil menganggap adiknya sebagai kawan 'istimewa', 'gangguan' itu akan cuba dihindari dengan mengalah dan memberikan apa yang ada kepada adiknya.

Anak berusia lima tahun seperti ini cuba menyelesaikan konflik 'gangguan' dia-laminya dengan bertindak agresif. Di sini penting peranan ibu bapa atau pendidik memupuk kemahiran assertive ini dengan teknik dan pendekatan betul supaya si kecil dapat memulakan 'sesi pembelajaran' kemahiran sosial dengan tanggapan yang tidak mengelirukan.

Apabila si kecil meningkat usianya sekitar enam hingga lapan tahun, biasanya dia akan dapat dan cuba aplikasi pengertian 'memerlukan dan menerima' serta perlahan-lahan rasa empati

mula tersemat dalam diri. Anak akan terus mempelajari cara berkomunikasi dan 'berunding' dengan adik atau rakan sebaya, belajar mengemukakan cadangan dan membuat keputusan, tidak bersikap bosnyarnam mampu mengatakan 'tidak' atau bertegas dengan pendirian bila perlu.

Pada peringkat ini, sekiranya ibu bapa atau pendidik berjaya mempu kemahiran sosial dan kemahiran assertive dengan sempurna, si kecil biasanya akan meminta bantuan atau pandangan menyelesaikan 'konflik sosial' bila memerlukan.

INFO

Panduan pupuk kemahiran 'assertive' (tegas):

① Ibu bapa atau pendidik perlu jelaskan kepada anak kecil dalam bentuk mudah difahami mengenai perbezaan bertindak agresif, pasif dan menunjukkan sikap 'assertive'.

② Bacakan buku cerita bersesuaian atau bercerita kisah teladan, kepimpinan melalui teladan.

③ Bantu anak pelajari kemahiran mengatakan 'tidak'. Jalani aktiviti kehidupan sehari-hari, tetapi dengan cara berada.

④ Beri peluang anak membuat pilihan atau keputusan menentukan sesuatu yang disukainya atau dirasakannya perlu dipilih berdasarkan sebab munasabah.

⑤ Bimbing anak cara meminti sesuatu secara berhemah dan penuh kasih sayang, tetapi tegar bila perlu. Beri peluang anak menyatakan pandangannya.

akan memberontak atau stres.

⑥ Optimis : Stres antara sebaran hidup dan manusia tidak dapat lari darinya, tetapi individu perlu tahu menanganiinya dengan cara yang betul dan optimis. Galakkan si kecil untuk bertahan dan mengambil risiko kerana ia boleh membantu mereka membesar menjadi orang dewasa yang gembira dan sihat.

ileh dilakukan selain daripada emangsi dan mohon simpatis bagi arah perhatian.

Bagi ibu bapa yang tidak dapat emahami arti tekanan dialami si cil, mereka kerap kali melabelkan mereka 'degil', menganda-gada atau ist perangsi.

"Tekanan membawa maksud ma bagi orang dewasa, tetapi engg Dewasa 'tidak melihat sesuatu kanan berlaku di kalangan kanak-kanak' sebaliknya melihat tabiat seperti mengangsi dan merajuk itu adalah orang basa kanak-kanak".

"Tekanan juga tidak ada sempadan ia. Satu kajian mengenai kaitan tera tekanan dengan perkembangan

Dr Mastura Badzis
Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak

Malah kajian juga mendapati kesihatan intelektual dan sosial baik tidak berkembang dengan sihat manakala ahli neurobiology pulu mendapati hormon ini dapat mempengaruhi perkembangan minda bayi.

Apa punca stres? Dr Mastura berkata ia disebabkan pelbagai faktor. Sama ada dianggap kecil oleh orang dewasa seperti latar, terkenang dalam seluar atau yang besar seperti percerian ibu bapa, berpindah sekolah atau kawasan tempat tinggal baru dan sebagainya.

"Asal saja ia menimbulkan rasa

Mereka mungkin termasuk kerap pada buka mata sejauh sekolah? Kena berdisiplin. Mereka boleh tertekan dengan perubahan itu tetapi kebanyakannya ibu bapa memikirkank masuk sekolah Tahun Satu adalah sesuatu yang biasa dan tidak sepatutnya dikaitkan dengan satu masalah.

"Ramai mengambil berat mengenai hal ehwal psikologi itu sendiri dan berharap sebarang perubahan yang baik itu diketahui anak itu sendiri tanpa diberitahu, sedangkan kanak-kanak perlu diberitahu," katanya.

Mengambil contoh di negara maju United Kingdom, Dr Mastura berkata, kebanyakan tadika

ANDA ada masalah dengan anak atau ada sikapnya yang membimbangkan? Kongsi masalah anda bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel bhrita@bharian.com.my atau melalui pos di alamat Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.